

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

Oxis Turbuhaler 4.5 mcg/dos & 9 mcg/dos

formoterol fumarate dihydrate

Bacalah seluruh risalah ini dengan teliti sebelum anda mula menggunakan ubat ini.

- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya lagi.
- Jika anda ragu-ragu, tanyalah doktor atau ahli farmasi.
- Ubat ini dipreskripsikan untuk anda. Jangan beri orang lain. Ubat ini boleh memudarangkan mereka, walaupun simptom mereka sama seperti simptom anda.
- Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahulah doktor atau ahli farmasi.

Kegunaan Oxis Turbuhaler

Doktor telah mempreskripsikan ubat ini untuk merawat asma (lelah) atau penyakit pulmonari obstruktif kronik (*chronic obstructive pulmonary disease* atau COPD).

Asma

Bagi asma, doktor akan mempreskripsikan dua alat sedut asma: Oxis Turbuhaler dan alat sedut 'kortikosteroid' yang berasingan. Kedua-dua alat sedut ini hendaklah digunakan bersama-sama.

- Oxis Turbuhaler digunakan untuk mencegah berlakunya simptom asma.
- Sesetengah orang juga menggunakan Oxis Turbuhaler apabila mereka memerlukan dos tambahan untuk melegakan simptom-simptom asma agar mudah bernafas kembali.
- Oxis Turbuhaler boleh juga digunakan sebelum bersenam untuk mencegah berlakunya simptom-simptom asma akibat senaman.

Penyakit pulmonari obstruktif kronik (*chronic obstructive pulmonary disease* atau COPD)

Oxis Turbuhaler boleh juga digunakan untuk merawat simptom COPD pada orang dewasa. COPD ialah sejenis penyakit jangka panjang pada salur udara di dalam paru-paru, yang selalunya disebabkan oleh tabiat merokok.

Cara Oxis Turbuhaler bertindak

Oxis Turbuhaler ialah suatu alat sedut. Oxis Turbuhaler mengandungi ubat yang diberi nama formoterol. Ubat ini tergolong dalam kumpulan ubat yang digelar 'agonis beta tindakan lama' atau 'bronkodilator'.

Ubat ini bertindak dengan mengendurkan otot di dalam salur udara anda. Ini membantu anda bernafas dengan lebih mudah. Ubat ini akan mula bertindak dalam tempoh 1 hingga 3 minit dan berkesan sehingga 12 jam.

Sebelum anda menggunakan Oxis Turbuhaler

Larangan menggunakan ubat ini

Jangan gunakan Oxis Turbuhaler jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap formoterol, atau terhadap suatu lagi bahannya, iaitu laktosa (yang mengandungi sejumlah kecil protein susu).

Sebelum anda mula menggunakan

Sebelum anda menggunakan Oxis Turbuhaler, beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- Anda pesakit diabetes. Anda mungkin perlu menjalani beberapa ujian tambahan untuk memeriksa aras gula darah semasa anda menggunakan Oxis Turbuhaler.
- Anda mempunyai tekanan darah yang tinggi atau anda pernah mengalami masalah pada jantung.
- Anda mengalami masalah pada kelenjar tiroid.
- Anda mempunyai aras kalium yang rendah di dalam darah. Doktor mungkin akan mengambil sampel darah untuk memeriksa aras kalium di dalam darah anda.
- Anda mengalami masalah yang teruk pada hati, misalnya sirosis hati.

Jika anda kurang pasti sama ada mana-mana masalah kesihatan tadi berkenaan dengan anda, tanyalah doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Oxis Turbuhaler.

Menggunakan ubat lain

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda sedang atau baru-baru ini telah memakan ubat lain. Ini merangkumi ubat yang anda beli tanpa preskripsi dan juga ubat-ubatan herba. Ini kerana Oxis Turbuhaler boleh menjelaskan tindakan sesetengah jenis ubat dan sesetengah jenis ubat boleh menjelaskan tindakan Oxis Turbuhaler.

Khususnya, beritahulah doktor atau ahli farmasi jika anda memakan mana-mana ubat yang berikut:

- Ubat penyekat beta (misalnya, atenolol atau propranolol yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi), termasuklah ubat titis mata (misalnya, timolol yang digunakan untuk merawat glaukoma).
- Ubat yang digunakan untuk merawat degupan jantung yang kencang atau tidak sekata (misalnya, kuinidin).
- Ubat seumpama digoxin yang kerap digunakan untuk merawat kegagalan jantung.
- Ubat diuretik, yang juga disebut ‘penyurut cecair badan’ (misalnya, furosemide). Ubat ini digunakan untuk merawat tekanan darah yang tinggi.
- Ubat steroid yang dimakan (misalnya, prednisolone).
- Ubat xanthine (misalnya, teophylline atau aminophylline). Ubat ini biasanya digunakan untuk merawat asma.
- Erythromycin (digunakan untuk merawat jangkitan).
- Ubat antihistamina (misalnya, terfenadine).
- Bahan-bahan lain yang mengembangkan salur udara (bronkodilator, misalnya salbutamol).
- Ephedrine (digunakan untuk merawat asma atau sebagai dekongestan).
- Ubat antikemurungan trisiklik (misalnya, amitriptyline).

Jika anda memakan mana-mana ubat tadi, atau jika anda kurang pasti, tanyalah doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Oxis Turbuhaler.

Beritahu juga doktor atau ahli farmasi jika anda akan diberi anestetik umum kerana menjalani pembedahan atau rawatan pergigian.

Penambahan bahan antikolinergik (misalnya, tiotropium atau ipratropium bromida) pada rawatan dengan Oxis Turbuhaler dapat membuka salur udara dengan lebih luas.

Cara menggunakan Oxis Turbuhaler

Jumlah yang perlu digunakan dan waktunya yang betul

- Gunakanlah Oxis Turbuhaler tepat-tepat seperti yang telah diarahkan oleh doktor, jururawat atau ahli farmasi. Tanyalah salah seorang antara mereka jika anda kurang pasti.

- Jangan tinggikan dos Oxis Turbuhaler yang telah dipreskripsikan oleh doktor tanpa menanya doktor dahulu.
- Jika anda menggunakan Oxis Turbuhaler secara tetap untuk merawat asma atau COPD, anda hendaklah terus menggunakan ubat itu walaupun anda tidak mengalami simptom.

Maklumat penting tentang simptom asma atau COPD

Jika anda berasa mengah atau nafas anda berdehit apabila menggunakan Oxis Turbuhaler, anda harus terus menggunakan Oxis Turbuhaler tetapi jumpalah doktor dengan secepat mungkin kerana anda mungkin memerlukan rawatan tambahan.

Hubungilah doktor dengan segera jika:

- Pernafasan anda bertambah teruk atau anda kerap terjaga pada waktu malam disebabkan asma.
- Anda mula terasa sesak dada.
- Anda tidak terasa lega dengan dos sekarang.
- Anda perlu menyedut dos yang lebih banyak daripada biasa selama dua hari atau lebih dalam seminggu.
- Anda perlu menggunakan Turbuhaler dengan lebih kerap daripada biasa sebelum bersenam.

Tanda-tanda ini mungkin bermakna bahawa asma atau COPD yang anda hidapi itu tidak dikawal dengan baik dan anda mungkin memerlukan rawatan lain atau rawatan tambahan dengan segera.

Dos bagi Oxis Turbuhaler 4.5mcg/dos

Asma

Oxis Turbuhaler tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak bawah usia 6 tahun.

Orang dewasa (18 tahun ke atas)

- Dos biasa ialah 1 atau 2 sedutan, satu atau dua kali sehari.
- Doktor mungkin akan meningkatkan dos ini kepada 4 sedutan, sekali atau dua kali sehari.
- Sesetengah orang menggunakan juga Oxis Turbuhaler sebagai ‘alat sedut pelega’. Jika anda mengalami simptom asma, dos biasa ialah 1 atau 2 sedutan.
- Jumlah dos yang melebihi 8 sedutan sehari lazimnya tidak diperlukan. Ini termasuklah sedutan yang anda gunakan apabila anda mengalami simptom asma dan sebelum bersenam. Walau bagaimanapun, doktor mungkin membenarkan anda menggunakan sehingga 12 sedutan sehari. Jangan gunakan lebih daripada 12 sedutan dalam tempoh 24 jam.
- Jangan gunakan lebih daripada 6 sedutan pada masa yang sama.

Kanak-kanak dan remaja (6 hingga 17 tahun)

- Dos biasa ialah 2 sedutan, satu atau dua kali sehari.
- Sesetengah kanak-kanak menggunakan juga Oxis Turbuhaler sebagai ‘alat sedut pelega’. Jika anak anda mengalami simptom asma, dos biasa ialah 1 atau 2 sedutan apabila simptom itu berlaku.
- Jumlah dos yang melebihi 4 sedutan sehari lazimnya tidak diperlukan. Ini termasuklah sedutan yang digunakan oleh anak anda apabila dia mengalami simptom asma dan sebelum bersenam. Walau bagaimanapun, doktor mungkin membenarkan anak anda menggunakan sehingga 8 sedutan sehari. Anak anda tidak boleh menggunakan lebih daripada 8 sedutan dalam tempoh 24 jam.
- Anak anda tidak boleh menggunakan lebih daripada 2 sedutan pada masa yang sama.

Asma yang disebabkan oleh senaman

Jika anda atau anak anda mengalami simptom asma yang disebabkan oleh senaman, doktor mungkin menasihatkan anda atau anak anda untuk menggunakan Oxis Turbuhaler sebelum bersenam juga. Oxis Turbuhaler tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak bawah usia 6 tahun.

Orang dewasa (18 tahun ke atas)

- Dos biasa ialah 2 sedutan sebelum bersenam.
- Jumlah dos yang melebihi 8 sedutan sehari lazimnya tidak diperlukan. Ini termasuklah sedutan yang anda gunakan apabila anda mengalami simptom asma dan sebelum bersenam. Walau bagaimanapun, doktor mungkin membenarkan anda menggunakan sehingga 12 sedutan sehari. Jangan gunakan lebih daripada 12 sedutan dalam tempoh 24 jam.
- Jangan gunakan lebih daripada 6 sedutan pada masa yang sama.

Kanak-kanak dan remaja (6 hingga 17 tahun)

- Dos biasa ialah 1 atau 2 sedutan sebelum bersenam.
- Jumlah dos yang melebihi 4 sedutan sehari lazimnya tidak diperlukan. Ini termasuklah sedutan yang digunakan oleh anak anda apabila dia mengalami simptom asma dan sebelum bersenam. Walau bagaimanapun, doktor mungkin membenarkan anak anda menggunakan sehingga 8 sedutan sehari. Anak anda tidak boleh menggunakan lebih daripada 8 sedutan dalam tempoh 24 jam.
- Anak anda tidak boleh menggunakan lebih daripada 2 sedutan pada masa yang sama.

Penyakit pulmonari obstruktif kronik (chronic obstructive pulmonary disease atau COPD)

- Hanya boleh digunakan oleh orang dewasa (berusia 18 tahun ke atas)
- Dos biasa ialah 2 sedutan satu atau dua kali sehari.
- Doktor mungkin menasihatkan anda supaya menggunakan dos tambahan untuk melegakan simptom COPD yang anda alami.
- Anda tidak boleh menggunakan lebih daripada 8 sedutan sehari.
- Jangan gunakan lebih daripada 4 sedutan pada masa yang sama.

Dos bagi Oxis Turbuhaler 9 mcg/dos

Asma

Oxis Turbuhaler tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak bawah usia 6 tahun.

Orang dewasa (18 tahun ke atas)

- Dos biasa ialah 1 sedutan, satu atau dua kali sehari.
- Doktor mungkin akan meningkatkan dos ini kepada 2 sedutan, sekali atau dua kali sehari.
- Sesetengah orang menggunakan juga Oxis Turbuhaler sebagai ‘alat sedut pelega’. Jika anda mengalami simptom asma, dos biasa ialah 1 sedutan apabila simptom itu berlaku.
- Jumlah dos yang melebihi 4 sedutan sehari lazimnya tidak diperlukan. Ini termasuklah sedutan yang anda gunakan apabila anda mengalami simptom asma dan sebelum bersenam. Walau bagaimanapun, doktor mungkin membenarkan anda menggunakan sehingga 6 sedutan sehari. Jangan gunakan lebih daripada 6 sedutan dalam tempoh 24 jam.
- Jangan gunakan lebih daripada 3 sedutan pada masa yang sama.

Kanak-kanak dan remaja (6 hingga 17 tahun)

- Dos biasa ialah 1 sedutan, satu atau dua kali sehari.
- Sesetengah kanak-kanak menggunakan juga Oxis Turbuhaler sebagai ‘alat sedut pelega’. Jika anak anda mengalami simptom asma, dos biasa ialah 1 sedutan apabila simptom itu berlaku.

- Jumlah dos yang melebihi 2 sedutan sehari lazimnya tidak diperlukan. Ini termasuklah sedutan yang digunakan oleh anak anda apabila dia mengalami simptom asma dan sebelum bersenam. Walau bagaimanapun, doktor mungkin membenarkan anak anda menggunakan sehingga 4 sedutan sehari. Anak anda tidak boleh menggunakan lebih daripada 4 sedutan dalam tempoh 24 jam.
- Anak anda tidak boleh menggunakan lebih daripada 1 sedutan pada masa yang sama.

Asma yang disebabkan oleh senaman

Jika anda atau anak anda mengalami simptom asma yang disebabkan oleh senaman, doktor mungkin menasihatkan anda atau anak anda untuk menggunakan Oxis Turbuhaler sebelum bersenam juga. Oxis Turbuhaler tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak bawah usia 6 tahun.

Orang dewasa (18 tahun ke atas)

- Dos biasa ialah 1 sedutan sebelum bersenam.
- Jumlah dos yang melebihi 4 sedutan sehari lazimnya tidak diperlukan. Ini termasuklah sedutan yang anda gunakan apabila anda mengalami simptom asma dan sebelum bersenam. Walau bagaimanapun, doktor mungkin membenarkan anda menggunakan sehingga 6 sedutan sehari. Jangan gunakan lebih daripada 6 sedutan dalam tempoh 24 jam.
- Jangan gunakan lebih daripada 3 sedutan pada masa yang sama.

Kanak-kanak dan remaja (6 hingga 17 tahun)

- Dos biasa ialah 1 sedutan sebelum bersenam.
- Jumlah dos yang melebihi 2 sedutan sehari lazimnya tidak diperlukan. Ini termasuklah sedutan yang digunakan oleh anak anda apabila dia mengalami simptom asma dan sebelum bersenam. Walau bagaimanapun, doktor mungkin membenarkan anak anda menggunakan sehingga 4 sedutan sehari. Anak anda tidak boleh menggunakan lebih daripada 4 sedutan dalam tempoh 24 jam.
- Anak anda tidak boleh menggunakan lebih daripada 1 sedutan pada masa yang sama.


Penyakit pulmonari obstruktif kronik (*chronic obstructive pulmonary disease* atau COPD)

- Hanya boleh digunakan oleh orang dewasa (berusia 18 tahun ke atas)
- Dos biasa ialah 1 sedutan, satu atau dua kali sehari.
- Doktor mungkin menasihatkan anda supaya menggunakan dos tambahan untuk melegakan simptom COPD yang anda alami.
- Anda tidak boleh menggunakan lebih daripada 4 sedutan sehari.
- Jangan gunakan lebih daripada 2 sedutan pada masa yang sama.


Cara menyedut

Setiap kali anda perlu menyedut, ikutilah arahan di bawah ini.

1. Putar untuk membuka penutup putih dan tanggalkan.
2. Pegang Turbuhaler secara menegak dengan tempat pegangnya yang berwarna firus (biru kehijauan) berada di sebelah bawah.
3. Jangan pegang corong Turbuhaler apabila anda mengisinya. Untuk mengisi Turbuhaler dengan satu dos, putar tempat pegangnya dengan seberapa jauh yang boleh ke satu arah. Kemudian, putarkan balik dengan seberapa jauh yang boleh ke arah yang bertentangan (tidak penting ke arah mana anda memutarkannya dahulu). Anda sepatutnya mendengar bunyi klik. Turbuhaler kini sudah diisi dan sedia digunakan. Tidak mungkin Turbuhaler akan terlebih diisi walaupun anda memutarkan tempat pegangnya beberapa kali. Isikan Turbuhaler hanya apabila anda perlu menggunakaninya.



4. Pegang Turbuhaler jauh dari mulut anda. Hembus keluar perlahan-lahan (setakat mana yang selesa). Jangan hembus melalui corong Turbuhaler.
5. Letakkan corong dengan berhati-hati di antara gigi anda. Tutupkan bibir anda. Tarik nafas dengan seberapa panjang dan seberapa kuat yang boleh melalui mulut anda. Jangan kunyah atau gigit corong.



6. Keluarkan Turbuhaler dari mulut anda. Kemudian, hembus keluar nafas anda perlahan-lahan. Jumlah ubat yang disedut sangat kecil. Ini bermakna anda mungkin tidak dapat merasanya setelah disedut. Jika anda telah mengikuti arahan tersebut, anda boleh yakin bahawa anda telah menyedut dos itu dan ubat kini berada di dalam paru-paru anda.
7. Jika anda ingin mengambil sedutan kedua, ulangi langkah 2 hingga 6.
8. Tutupkan semula dengan rapat selepas digunakan.

Jangan cuba tanggalkan atau putarkan corong. Corongnya terpasang dengan tetap pada Turbuhaler dan tidak boleh ditanggalkan. Jangan gunakan Turbuhaler jika Turbuhaler itu rosak atau jika corongnya tercabut.

Membersihkan Turbuhaler

Kesat bahagian luar corong sekali seminggu menggunakan tisu yang kering. Jangan gunakan air atau cecair lain.

Masa untuk menggunakan Turbuhaler yang baru

- Turbuhaler mengandungi 60 dos (sedutan). Penunjuk dos akan memberitahu anda bilangan dos yang masih ada di dalam Turbuhaler.
- Apabila anda nampak tanda merah pada pinggir tetingkap penunjuk, ini bermakna ada kira-kira 20 dos lagi yang tinggal. Apabila tanda merah ini sampai ke hujung bawah tetingkap penunjuk, anda mestilah mula menggunakan Turbuhaler yang baru.



Perhatian:

- Tempat pegangnya masih boleh diputarkan dan akan berbunyi ‘klik’ walaupun Turbuhaler anda kosong.

- Bunyi yang anda dengar apabila anda menggoncang Turbuhaler ialah bunyi agen pengering di dalamnya dan bukan bunyi ubat. Oleh itu, bunyi ini tidak akan memberitahu anda jumlah ubat yang masih ada di dalam Turbuhaler.

Tempoh menggunakan ubat ini

Jangan berhenti menggunakan Oxis Turbuhaler tanpa menanya doktor dahulu.

Jika anda masih ragu-ragu tentang penggunaan Turbuhaler, tanyalah doktor, jururawat atau ahli farmasi.

Jika anda terlupa menggunakannya

Jika anda terlupa menyedut satu dos, sedutlah sebaik sahaja anda ingat. Walau bagaimanapun, jika waktunya sudah hampir dengan waktu dos yang seterusnya, abaikan sahaja dos yang tertinggal itu. Jangan sedut dua dos untuk menggantikan dos yang terlupa disedut itu.

Jika anda menyedut terlalu banyak (terlebih dos)

Jika anda menggunakan lebih banyak Oxis Turbuhaler daripada yang sepatutnya, atau jika seseorang kanak-kanak telah menyedut ubat ini dengan tidak sengaja, hubungilah doktor atau ahli farmasi dengan segera untuk mendapatkan nasihat. Kesan-kesan yang berikut mungkin berlaku: terketarkan ketar, sakit kepala atau degupan jantung yang kencang.

Semasa anda menggunakan Oxis Turbuhaler

Perkara-perkara yang mesti anda lakukan

Gunakan Oxis Turbuhaler seperti yang diarahkan oleh doktor

Perkara-perkara yang tidak boleh anda lakukan

Jangan berhenti menggunakan Oxis Turbuhaler kecuali dinasihatkan oleh doktor.

Perkara-perkara yang perlu anda awasi

Kehamilan dan menyusukan anak dengan susu badan

- Jika anda hamil, atau bercadang untuk menjadi hamil, bincanglah dengan doktor sebelum menggunakan Oxis Turbuhaler – jangan gunakan Oxis Turbuhaler kecuali diarahkan oleh doktor.
- Jika anda menjadi hamil semasa menggunakan Oxis Turbuhaler, jangan berhenti menggunakan Oxis Turbuhaler tetapi beritahulah doktor dengan segera.
- Jika anda sedang menyusukan anak dengan susu badan, bincanglah dengan doktor sebelum menggunakan Oxis Turbuhaler.

Memandu dan mengendalikan jentera

Oxis Turbuhaler tidak dijangka akan menjelaskan keupayaan anda memandu mahupun mengendalikan alat atau jentera.

Maklumat penting tentang beberapa ramuan Oxis Turbuhaler

Oxis Turbuhaler mengandungi laktosa, iaitu sejenis gula. Jika doktor memberitahu anda bahawa anda tidak dapat menahan sesetengah jenis gula, bincanglah dengan doktor sebelum anda mula menggunakan ubat ini. Jumlah laktosa di dalam ubat ini biasanya tidak akan menyebabkan masalah pada seseorang yang tidak dapat menahan laktosa.

Eksipien laktosa mengandungi sejumlah kecil protein susu, yang boleh menyebabkan tindak balas alergi.

Kesan sampingan

Sama seperti semua ubat lain, Oxis Turbuhaler boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Jika perkara yang berikut berlaku pada anda, berhenti menggunakan Oxis Turbuhaler dan beritahu doktor dengan segera:

- Bronkospasma (otot di dalam salur udara menjadi tegang lalu menyebabkan pernafasan berdehit secara tiba-tiba) selepas menyedut ubat ini. Ini jarang-jarang sekali berlaku dan menjelaskan kurang daripada 1 dalam setiap 10,000 orang.

Kesan-kesan sampingan lain yang boleh berlaku:

Lazim berlaku (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 10 orang)

- Palpitasi (menyedari degupan jantung anda sendiri), terketar-ketar atau menggigil. Jika berlaku, kesan ini biasanya ringan dan lazimnya akan hilang apabila anda terus menggunakan Oxis Turbuhaler.
- Sakit kepala.

Tidak lazim berlaku (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 100 orang)

- Berasa gelisah atau meragam.
- Tidur terganggu.
- Jantung berdegup dengan kencang.
- Kejang otot.

Jarang-jarang sekali berlaku (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 1,000 orang)

- Degupan jantung yang tidak sekata.
- Loya (rasa mual).
- Aras kalium yang rendah di dalam darah.
- Tindak balas alergi berupa ruam, gatal-gatal dan bronkospasma.

Sangat jarang-jarang sekali berlaku (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 10,000 orang)

- Sakit dada atau sesak dada (angina pektoris).
- Peningkatan jumlah gula (glukosa) di dalam darah.
- Perubahan rasa lidah, misalnya rasa tidak enak di dalam mulut.
- Perubahan pada tekanan darah.
- Pening.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahulah doktor atau ahli farmasi.

Cara Menyimpan Dan Membuang Oxis Turbuhaler

Jauhkan daripada capaian dan pandangan kanak-kanak.

Jangan simpan pada suhu yang melebihi 30°C.

Apabila tidak digunakan, Oxis Turbuhaler hendaklah ditutup ketat.

Jangan gunakan Oxis Turbuhaler selepas tarikh luput yang tercetak pada kartonnya atau pada sisi Turbuhaler itu. Tarikh luput merujuk pada hari terakhir bulan yang dinyatakan itu.

Keterangan tentang produk

Oxis Turbuhaler ialah sejenis alat sedut yang mengandungi ubat anda. Serbuk yang disedut itu berwarna putih. Setiap Turbuhaler mengandungi 60 dos dan berbadan putih dengan tempat pegang berwarna firus yang boleh diputar.

Bahan

Bahannya yang aktif ialah formoterol fumarate dihydrate.

Di dalam Turbuhaler yang mengeluarkan 4.5 mikrogram setiap dos, setiap dos mengandungi 6 mikrogram formoterol fumarate dihydrate yang boleh anda sedut sebanyak 4.5 mikrogram. Di dalam Turbuhaler yang mengeluarkan 9 mikrogram setiap dos, setiap dos mengandungi 12 mikrogram formoterol fumarate dihydrate yang boleh anda sedut sebanyak 9 mikrogram.

Bahannya yang lain ialah laktosa monohidrat (yang mengandungi protein susu).

Nombor pendaftaran Malaysia:

Oxis turbuhaler 4.5 mcg/dos: MAL19991002A

Oxis turbuhaler 9 mcg/dos: MAL19991003A

Pengilang

AstraZeneca AB, 15185 Sodertalje, Sweden

Tarikh semakan

Teks disemak semula pada bulan September 2011

RITA.000-395-085.2.0